

Usaha PBS berbaik dengan BN sudah terlambat- Mahathir

KOTA KINABALU 1 Mei— Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan usaha Parti Bersatu Sabah (PBS) mahu berbaik-baik semula dengan Barisan Nasional (BN) sebagai sudah terlambat.

Katanya, PBS sebenarnya masih mengamalkan prinsip yang jauh berbeza dengan konsep BN.

"PBS tak ada prinsip, walaupun adamsa untuk membaiki diri, prinsip mereka masih berbeza dengan BN," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Pertama Parti Liberal Demokratik (LDP) di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, jika PBS hendak menyertai BN, parti itu perlu mempunyai sikap yang sama dengan BN.

Sebelum itu, dalam ucapan perasmian perhimpunan tersebut Dr. Mahathir mengajak rakyat Sabah memastikan negeri tersebut diperintah oleh kerajaan BN.

Kata Perdana Menteri, kera-

jaan BN tidak tamak, tidak seperti PBS yang berpura-pura menjadi parti berbilang kaum tetapi membolot sesuatu bukan sahaja untuk kaum tertentu malah bagi diri sendiri serta kaum keluarga mereka.

"UMNO sebagai parti orang-orang Melayu turut memberi peluang kepada orang-orang lain di Sabah dan bersikap terbuka," tambahnya.

Kata Perdana Menteri, rakyat harus menyokong pendekatan BN iaitu identiti Malaysia.

Beliau menjelaskan, ramai orang luar datang bertanya bagaimana dapat diwujudkan harmoni antara kaum di negara ini sedangkan suasana sedemikian tidak ada di negara lain.

"Seorang professor dari ifuniversiti Harvard yang mengkaji keadaan di Afrika Selatan mendapati rusuhan antara kaum kulit putih dan hitam di negara itu berpunca kerana tidak tahu cara pentadbiran yang boleh diterima semua kaum.

"Mereka datang ke Malaysia untuk mengkaji sistem BN kerana berpendapat sistem ini sesuai," katanya.

Tanggungjawab

Dr. Mahathir berkata, UMNO menjalankan tanggungjawabnya untuk menjayakan kepentingan orang Melayu dan Bumiputera tetapi tidak membelakangkan kaum lain.

"Jika difikirkan hanya untuk kaum Melayu sahaja, lebih baik bergabung dengan Pas. Tetapi Pas tamak hendak membolot semuanya untuk diri mereka.

"Sebaliknya, UMNO tidak tamak untuk bekerjasama dengan kaum lain walaupun mempunyai bilangan majoriti. UMNO hanya meletakkan calon di 85 kerusi pilihan raya, sedangkan boleh menang 96 daripada 177 kerusi parlimen," katanya.

Kata Dr. Mahathir, kerajaan BN menentukan keadaan politik yang tenang di Malaysia di

samping membentuk serta menjayakan pembangunan Malaysia kecuali dua buah negeri diperintah oleh parti lawan.

"Bukan sahaja orang Sabah lari bekerja di Semenanjung tetapi di negeri Kelantan, kerajaannya tidak mampu memberi pertolongan kepada rakyat.

"Inilah penting rakyat memastikan Sabah diperintah oleh BN.

"Hanya kerajaan BN sahaja boleh memberi pertolongan pada semua kaum," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir memberitahu, Sabah suatu ketika dahulu kaya tetapi kini pembangunannya tidak pesat kerana tidak ada pelaburan asing dan orang Sabah sendiri melabur di negeri lain.

"Peluang ada, tetapi keyakinan pelabur kepada kerajaan Sabah tidak ada,

"Jika Sabah diperintah oleh BN, pasti negeri ini membangun dengan lebih pesat lagi, katanya.